

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 19 December, 2019 2:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Penanda Aras UniSZA Timba Ilmu Keusahawanan Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 DISEMBER 2019 / 22 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Faridah Awang
Gambar oleh: CEDI

LAWATAN PENANDA ARAS UniSZA TIMBA ILMU KEUSAHAWANAN PELAJAR



UUM ONLINE: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menerima lawatan penanda aras daripada delegasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) terdiri 16 staf Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT), baru-baru ini.

Kedatangan delegasi diketuai Pengarahnya, Ts. Dr. Roslan Awang disambut Pengarah CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam di Bilik Mesyuarat Utama CEDI.

Dalam perbincangan berkenaan, Pengarah CEDI telah menerangkan tentang kejayaan yang telah dicapai CEDI dalam memenuhi KPI yang telah ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi terutamanya berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan di UUM seperti program keusahawanan dan perniagaan pelajar.

Perbincangan antara kedua pihak juga menjurus kepada kelestarian minda dalam kalangan pelajar UUM dalam memperkasa bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya.

Selain itu, beliau juga menerangkan tentang aktiviti yang dijalankan di CEDI seperti program *Business Start-Up*, Enactus dan juga Kursus Agen Kastam.

Sementara itu, Pengarah PAKAT, Ts. Dr. Roslan berkata, beliau menjadikan Siswaniaga di CEDI khususnya sebagai penanda aras dalam melaksanakan program keusahawanan pelajar di UniSZA.

Beliau juga berharap hubungan antara CEDI dan UniSZA dapat diperkukuhkan lagi pada masa hadapan dengan jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Delegasi UniSZA telah dibawa melawat tapak perniagaan sementara pelajar di DKG 1, Wakaf berhadapan Academia Lounge dan juga Varsity Mall.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.